

11/11/2001

Tiada projek baru jika jual kontrak: PM

Noor Jaafar

DUNGUN: Kerajaan tidak akan memberi kontrak baru kepada syarikat atau kontraktor yang didapati menyerah atau menjual kontrak mereka kepada pihak lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini masalah yang kita hadapi. Biasanya apabila kita bagi kontrak, lesen, AP (permit import), bukan perniagaan yang dibuat sebaliknya jual kontrak, jual AP, jual lesen," katanya ketika ditemui selepas berkunjung ke sebuah rumah peneroka, Mamat Abdullah di Felda Kertih 5, dekat sini, semalam.

Sebelum itu beliau merasmikan Hari Peneroka Negara di Padang Astaka, Bandar Ketengah Jaya, dekat sini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kegagalan hampir kesemua kontraktor membina makmal komputer di seluruh negara seperti yang didedahkan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsuddin semalam.

"Kita fikir macam-macam cara untuk menolong Bumiputera tapi mereka sendiri yang buat angkara...mereka sendiri tentukan, mereka mungkin tidak berjaya, selagi tabiat ini ada. Sekarang ini kita nak tentukan siapa yang jual kontrak, tiada lagi kontrak untuk orang ini," katanya.

Mengenai kegagalan kontraktor membina makmal komputer sekolah seperti yang didedahkan oleh Aziz itu, Dr Mahathir berkata perkara itu perlu dikaji.

"Sebelum kita kata apa-apa, kita perlu buat kajian betul-betul, sama ada separuh siap, tidak siap, tidak dibangunkan semula. Kita tahu ada yang tidak dimulakan sama sekali, ini bermakna mereka gagal," katanya.

Dr Mahathir berkata, perkara itu berlaku kononnya disebabkan tiga syarikat yang dipilih melaksanakan projek itu tidak dapat melaksanakannya.

"Mereka pilih syarikat Bumiputera yang lain untuk bangunkan makmal ini. Yang jadi masalah syarikat Bumiputera yang dipilih mereka tidak buat, sebaliknya jual kontrak itu pada orang lain dan orang lain jual kepada orang lain, dengan mengambil untung.

"Sebab itu bila sampai kepada peringkat syarikat yang nak laksanakan, harga terlalu murah dan dia rugi dan dia tidak dapat melaksanakan kerja dengan sempurna," katanya.

Begitu juga dengan lesen teksi yang diberikan kepada pemandu, mereka akan jual kepada orang lain dan orang lain pula jual kepada orang sanggup melabur.

"Pemilik permit teksi itu tidak buat apa dan mereka bukan dapat untung kerana mereka terpaksa bayar sewa yang cukup tinggi," katanya.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji semula kontrak yang diberikan pada masa depan.

"Mereka yang berniat hendak menjual kontrak kepada orang lain jangan minta lessen atau kontrak dengan kerajaan kerana perkara yang sama berlaku sepanjang masa dan turut menyebabkan projek terbengkalai dan menemui kegagalan," katanya.

Dr Mahathir berkata apabila dapat kontrak mereka akan jaja ke sana ke mari untuk dapat untung dua atau tiga juta dan kalau kita kata dia marah.

"Tetapi itulah hakikat perniagaan mereka. Berapa kerat saja peniaga yang betul-betul berniaga dan semua mereka didapati berjaya, termasuk Naza Motors yang dapat AP untuk beli kereta import dan jual, sekarang dia jadi besar dan dapat untung," katanya.

(END)

